

AmBank Buka Cawangan di Klia2

Bernama

Jun 23, 2014

SEPANG, 23 Jun (Bernama) -- AmBank Bhd pada Isnin membuka cawangan lapangan terbang pertamanya dan Bureau de Change (BDC) untuk menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada pelancong dan pembeli di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2).

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim, berkata Gateway@klia2, cawangan lapangan terbang AmBank yang pertama, dan BDC, dirancang untuk meningkatkan kecekapan dan menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih menarik.

Beliau berkata terdapat potensi besar bagi AmBank untuk meraih keuntungan melalui cawangan baharu ini berikutan lebih 25 juta orang dijangka melalui klia2 tahun ini.

"Cawangan itu menyediakan pelbagai kemudahan perbankan seperti mesin juruwang automatik, mesin deposit tunai, mesin imbasan cek, kiosk perbankan Internet dan BDC yang beroperasi 24 jam, setiap hari," katanya kepada pemberita selepas melancarkan cawangan itu dan BDC di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan AmBank, Ashok Ramamurthy, dan pengarah urusan bank (perbankan runcit), Paul Lewis.

Sementara itu, Lewis berkata AmBank dijangka membuka lima cawangan baharu tidak lama lagi.

Beliau berkata bank kini menyasarkan pengubahsuaian, menaik taraf atau menempatkan semula cawangan lama di seluruh negara, yang akan dilakukan secara berperingkat.

Langkah itu akan menelan belanja antara RM800,000 dan RM1 juta, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048745>